

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah jaminan keselamatan terhadap kedaulatan Malaysia daripada ancaman pengintipan :-

- a) apabila Malaysia komited untuk kekal menggunakan teknologi syarikat gergasi China, Huawei dan;
- b) apabila Malaysia menerima 12 buah surveillance drones bernilai RM80 juta daripada Amerika Syarikat secara percuma.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai jaminan keselamatan kedaulatan Malaysia terhadap ancaman pengintipan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (**KKMM**) menerusi agensinya CyberSecurity Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berupaya untuk melaksanakan penilaian produk dan sistem-sistem ICT bagi memastikan fungsi keselamatan produk dan sistem tersebut mematuhi piawaian dan garis panduan kerajaan yang telah ditetapkan. Penilaian ini berdasarkan piawaian antarabangsa ISO/IEC 15408 Common Criteria sehingga ke peringkat pensijilan *Evaluation Assessment Level 4 (EAL4)*. Pada peringkat ini, kod sumber

SOALAN NO : 9

(*source code*) akan dinilai oleh makmal bagi memastikan pematuhan kepada Profil Perlindungan (*Protection Profile*) yang telah dibangunkan.

2. Terdapat produk Huawei seperti kamera IP, tembok api (firewall), suis rangkaian (network switch), penghala (router) dan perisian telah mendapat penilaian dan pensijilan berdasarkan standard antarabangsa seperti ISO/IEC 15408 Common Criteria (CC).

3. Selain itu, bagi memastikan kerahsiaan maklumat seperti yang dihantar dalam talian, kerajaan telah membangunkan Dasar Kriptografi Negara untuk melindungi keselamatan maklumat melalui pelaksanaan infrastruktur kriptografi yang boleh dipercayai. Hal ini dapat mengatasi masalah kebocoran maklumat di ruang siber serta kesahihan maklumat. Seterusnya, dalam menyokong Dasar ini, CyberSecurity Malaysia sedang membangunkan penilaian Algoritma Kriptografi Negara, membangunkan satu skim kriptografi tempatan Malaysian Cryptography Module Validation Scheme (**MyCMVP**), serta menaiktaraf Makmal Penilaian Kriptografi berdasarkan keperluan piawaian antarabangsa FIPS 140 dan skim tempatan MyCMVP.

4. Sehubungan dengan ini juga, CyberSecurity Malaysia sedang membangunkan portfolio algoritma kriptografi terpercaya negara iaitu 'Senarai Algoritma Kriptografi Terpercaya Negara' yang dinamakan MySEAL. Projek ini menyediakan senarai algoritma kriptografi yang sesuai bagi pelaksanaan dalam konteks negara kita, Malaysia.

5. Berkenaan penggunaan peranti 5G dan drone, CyberSecurity Malaysia boleh mengendalikan Penilaian Kerentanan dan Ujian Penembusan (*Vulnerability Assessment and Penetration Test - VAPT*) terhadap peranti-peranti tersebut bagi memastikan keselamatan siber.

6. Amerika Syarikat melalui program *Maritime Security Initiative* (MSI) telah menawarkan bantuan dalam bentuk keupayaan (aset) dan kapasiti (latihan) kepada negara-negara rakan termasuk Malaysia bagi meningkatkan *Maritime Domain Awareness* (MDA) di rantau Asia Tenggara. Program ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak Amerika Syarikat.

SOALAN NO : 9

7. Berhubung dengan pemberian 12 unit dron kepada Malaysia ianya juga merupakan sebahagian daripada bantuan di bawah MSI. Dron tersebut dikawal sendiri oleh Malaysia dan akan digunakan bagi tujuan pengawasan dan peninjauan di kawasan perairan negara khususnya di Sabah. Selain Malaysia, beberapa buah negara lain turut dimaklumkan menerima bantuan yang sama iaitu Filipina, Indonesia dan Vietnam.

8. Bagi jaminan keselamatan terhadap kedaulatan negara dan ancaman pengintipan, Kementerian Pertahanan melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menubuhkan Jawatankuasa Siber, Lembaga Komunikasi Elektronik dan Jawatankuasa Kripto yang berperanan memeriksa dan mengekang kebocoran maklumat atau data yang dikumpul melalui aset-aset pertahanan negara yang dibeli atau diterima daripada negara luar. Pihak ATM telah menentusahkan selamat dari intipan. Selain itu, Kementerian Pertahanan sentiasa mengkaji setiap bantuan kelengkapan yang bakal diterima daripada Amerika Syarikat mempunyai *Memorandum of Understanding* (MoU) atau perjanjian teknikal tertentu yang tidak mengikat dan tidak menjejaskan keselamatan dan maklumat sulit negara.

Sekian, terima kasih.